



Fail: KPKT/BPK/19/7/4 Klt.41(46)

Tarikh : 3 Februari 2013

SIARAN MEDIA

STRATEGI LAUTAN BIRU NEGARA : MALAYSIAKU INDAH HARI KESUKARELAWAN (NBOS 8) INISIATIF KPKT PERINGKAT NEGERI KEDAH DILANCARKAN

Alor Setar, 3 Februari 2013 - Y.B. Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan merasmikan majlis pelancaran Malaysiaku Indah (*My Beautiful Malaysia*) peringkat negeri Kedah di bawah Strategi Lautan Biru Negara ke 8 (NBOS 8) pada pagi ini. Pelancaran Malaysiaku Indah (*My Beautiful Malaysia*) ini juga selari tahun 2013 sebagai Tahun Kesukarelawan (*Year of Volunteerism*). Malaysiaku Indah ini diilhamkan dari Program *My Beautiful Neighbourhood* (Kejiranan Indah:NBOS 7) terletak di bawah tanggungjawab Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) mulai Julai 2012. Salah satu aktiviti NBOS 7 ialah gotong-royong di mana 36 gotong royong telah diadakan melibatkan 33,000 penduduk dan 1,200 belia rumah pangsa.

Program Malaysiaku Indah (*My Beautiful Malaysia*) diwujudkan untuk:

- i. menyemai semangat kesukarelawan di kalangan belia;
- ii. memperbanyakkan aktiviti dan penyertaan sukarelawan untuk menjaga dan memelihara keindahan alam persekitaran kehidupan di seluruh negara; dan
- iii. meningkatkan semangat bekerja secara berpasukan di kalangan belia dalam pembangunan negara.

Pada pagi ini juga tepat jam 10.45, diadakan pelancaran Perdana Malaysiaku Indah oleh Y.A.B. Perdana Menteri Malaysia diadakan di Taman Medan, Petaling Jaya dan secara serentak di negeri Menteri-menteri kabinet, Menteri-menteri Besar, Ketua-

ketua Menteri di seluruh negara. Ia melibatkan satu juta golongan belia secara beramai-ramai menjalankan aktiviti gotong-royong mengindahkan 134 kawasan di seluruh negara.

Di negeri Kedah, Taman Rekreasi Gunung Kriang dipilih menjadi tapak pelancaran utama. Ini melibatkan 85,000 ribu sukarelawan belia negeri Kedah yang terdiri daripada penduduk tempatan, pelajar-pelajar universiti awam dan swasta, pusat latihan komuniti, sekolah menengah, pelatih pusat khidmat negara, pekerja-pekerja kilang, skuad muda RELA, anggota Jabatan Pertahanan Malaysia, PDRM, BOMBA, Persatuan dan pertubuhan sukarelawan, ahli-ahli Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung serta kakitangan dan pegawai kerajaan persekutuan dan negeri Kedah. Aktiviti gotong-royong secara serentak di 26 lokasi utama dalam semua 11 pihak berkuasa tempatan melibatkan antaranya 3 perumahan awam di bawah Program Kejiranan Indah 2013, 3 buah perkampungan baru, dan 20 kawasan taman rekreasi, dataran bandar, pusat tumpuan penduduk seperti jeti dan pelabuhan, stesen bas, pusat pelancongan dan kemudahan awam yang tidak terpelihara dan kurang penjagaan seperti:

- i. mengecat semula kemudahan awam;
- ii. membersihkan longkang dan parit tersumbat;
- iii. mengutip sampah, membersihkan semak samun dan kawasan terbiar;
- iv. menanam dan mencantas pokok; dan
- v. gotong-royong memasak

Program di bawah seliaan KPKT dan Pejabat Kemajuan Negeri Kedah ini dijayakan dengan kerjasama pihak berkuasa tempatan (PBT), RELA dan Jabatan Pertahanan Malaysia, Kementerian Dalam Negeri, Jabatan Penyiaran Malaysia, Jabatan Penerangan Malaysia dan Jabatan Pelajaran. Di pagi ini juga, Y.B. Menteri KPKT turut mengumumkan peruntukan RM477,000 untuk kerja-kerja menaik taraf gerai, medan selera, pemasangan pagar baru, pembaikan dan pembersihan longkang dan memperbaharui papan tanda sedia ada di Taman Rekreasi Gunung Kriang dan pelancaran *My Beautiful Neighbourhood* di perumahan awam Tongkang Yard dan Alor Malai: Alor Setar dan Kilang Lama, Kulim yang melibatkan RM6.52juta untuk membaik pulih perumahan awam.

Majlis pada pagi ini turut diserikan dengan kehadiran YAB Dato' Seri Ustaz Azizan Abdul Razak: Menteri Besar Kedah ; YB Dato' Paduka Ahmad Bashah Bin Md Hanipah:Pengerusi Barisan Nasional Negeri Kedah merangkap ADUN Bakar Bata; YB Dato' Seraja Setia Dato' Paduka Haji Rasli Bin Basir:Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah; YBerusaha Datuk Arpah binti Abdul Razak:Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan; YBerusaha En. Kamalruddin Bin Shamsudin:Timbalan Ketua Pengarah (Perancangan), Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia; YBhg. Datuk Haji Azmi Bin Lateh:Pegawai Kemajuan Negeri Kedah; YBhg. Dato' Hj. Mat Noh bin Ahmad :Datuk Bandar Majlis Bandaraya Alor Setar dan pegawai kanan KPKT dan Kerajaan Negeri Kedah.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh Yang Berhormat Dato' Seri Chor Chee Heung. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perumahan Negara, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Lanskap Negara, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dan Institut Latihan KPKT.

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555
Faks : 03-8891 5557
E-mail : pro@kpkt.gov.my